

**KAJIAN KE ATAS TABIAT MEMBACA DI KALANGAN  
MASYARAKAT KINI.**

**OLEH**  
**ABANG BIKUSARY KADIR**  
**KHALIK MOHAMAD NOH**  
**SARINA TAIB**

Kertas kerja ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang di ITM Sarawak bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG**  
**INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK**

**OKTOBER 1998**

**TAJUK****K. B. R.****KANDUNGAN****PROJEK PELAJAR****HALAMAN**

Perakuan

i

Surat Penyerahan Penyelidikan

ii

Prakata

iv

Sinopsis Kajian

vi

**Bab 1 PENGENALAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Rasional Projek	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Skop Penyelidikan	6
1.5 Methodologi	7
1.6 Permasalahan / Konstren Kajian	9
1.7 Jadual Perlaksanaan Tugas	11

**Bab 2 PENGERTIAN MEMBACA**

2.1 Pengenalan	12
2.2 Definisi	12
2.3 Kategori-kategori Dalam Aspek Membaca	15
2.4 Kategori Pembaca	17

## **SINOPSIS KAJIAN**

Persetujuan telah diambil untuk memilih satu kajian yang berkaitan dengan kemasyarakatan yang bertajuk “kajian ke atas tabiat membaca di kalangan masyarakat kini”. Ianya tertumpu kepada pemerhatian dan soal-selidik yang mana akan menganalisa mengapa masyarakat kini kian “sepi” dalam membaca.

Fokus utama ialah golongan remaja yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Difahamkan bahawa pada peringkat umur sebegini, mereka lebih aktif dan cergas dalam segala aktiviti sama ada dalaman dan luaran. Pemikiran mereka juga mudah terpengaruh dengan dakyah-dakyah atau pemikiran di samping cuba mengupas persoalan mengenai semangat cintakan buku yang kian berkurangan.

Melalui kajian ini juga kami berharap ia akan mendapat perhatian atau maklumbalas akan langkah penyelesaian daripada pihak remaja sendiri yang merupakan golongan yang paling minoriti dalam menanam minat terhadap membaca. Golongan ini juga merupakan golongan pelapis kepada segala inspirasi kerajaan dalam merealisasikan wawasan yang diimpikan oleh setiap lapisan rakyat terutama sekali Perdana Menteri kita sekarang, Dr. Mahathir. Sejajar dengan itu, kajian mengenai kelakuan manusia diletakkan di bawah tajuk “tabiat pembacaan di kalangan masyarakat kini” sebagai prioriti kajian.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1. PENGENALAN KAJIAN

Membaca jambatan ilmu, inilah intipati kepada setiap kupasan, ulasan, rumusan dan saranan bahkan menjadi idola kepada sesiapa sahaja yang gemar membaca dan selaku ulat buku. Walaubagaimanapun, impian ini akan tinggal impian jika ia tidak dilaksanakan dengan sesungguhnya.

Menurut satu kajian yang menyatakan bahawa di dalam proses untuk mencari ilmu seseorang itu perlu membaca di mana sebanyak 85 peratus hingga 90 peratus pembelajaran dilakukan di institusi pendidikan adalah melalui membaca<sup>1</sup>. Persoalan yang sering timbul mengapa masyarakat sekarang malas membaca sedangkan peralatan canggih lagi disediakan ini tidak memungkinkan mereka boleh ketinggalan dalam mencari ilmu. Menurut seorang penulis Zaini Ujang<sup>2</sup> di dalam bukunya yang bertajuk “Motivasi Dan Kaedah Membaca” turut mengupas secara terperinci makna membaca dalam proses mencari ilmu dan hakikatnya di dalam kehidupan dan juga dalam proses kemajuan sejagat. Menurut kajian yang dilakukan oleh kerajaan pada tahun 1980-an mengenai tabiat membaca, didapati rakyat Malaysia begitu payah sekali untuk menghabiskan sebuah novel di mana mereka mengambil masa setahun untuk menghabiskannya berbanding dengan rakyat Jepun yang begitu rajin sekali membaca<sup>3</sup>. Pada tahun 1987, kajian telah dibuat mengenai tabiat membaca di Jepun di mana kira-kira

<sup>1</sup> Azri Aziz, Membaca Yang Berkesan, Dewan Siswa, Ogos 1992. Halaman 24

<sup>2</sup> Othman Puteh, Mengembalikan Minat Membaca, Dewan Siswa, April 1993. Halaman 25

<sup>3</sup> Zaini Ujang, Rakyat Jepun “Gila Komik”, Dewan Siswa, September 1993. Halaman 33

## **BAB 2**

### **PENGERTIAN MEMBACA**

#### **2.1. PENGENALAN**

Membaca merupakan satu perkataan yang agak biasa digunakan oleh masyarakat sama ada dari peringkat kanak-kanak, remaja, dewasa ataupun orang tua. Oleh itu terdapat pelbagai takrifan dan pengertian yang diperkenalkan oleh ahli-ahli falsafah.

#### **2.2. DEFINISI**

Membaca merupakan perkara rutin yang sering kali diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Majoriti masyarakat Malaysia menunjukkan kadar kenal huruf atau literasi yang meningkat daripada 91 peratus kepada 93 peratus<sup>1</sup>. Peningkatan ini walaupun dari segi pendidikan merupakan pencapaian yang baik namun dari segi tahap pembacaan secara umumnya masih tidak begitu menggalakan.

##### **a) Kamus Malaysiana**

Memerhati isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahamkan makna kandungannya. Di samping itu, ia juga dimaksud sebagai mengucapkan apa yang tertulis atau tercetak pada buku, papan tanda dan lain-lain secara lisan.

---

<sup>1</sup> ANZAGAIN Sdn Bhd (1995). Halaman 45